



جورنال التراث
AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 8 ISSUE 2 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOMEPAGE:

<https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/index>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University Of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PASCANILAI PELAKSANAAN KELAS KHAS KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENGHAFAZ AL-QURAN (KKQ): CABARAN DAN STRATEGI

Zulkifli Abd Mubi, Haziyah Hussin & Sabri Mohamad
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
P121224@siswa.ukm.edu.my

Article history

Received: 01/12/2023	Received in revised: 18/12/2023	Accepted: 25/12/2023	Published online: 27/12/2023
-------------------------	------------------------------------	-------------------------	---------------------------------

Abstrak

Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan murid dari aspek kemahiran Tarannum, Hafazan, Tajwid, Ulum al-Quran, Rasm Uthmani dan Qiraat al-Sab'i. Walaupun kewujudan program KKQ ini sudah mencapai tiga dekad, namun sejauhmanakah pencapaian pelaksanaan program KKQ ini dalam meningkatkan kemahiran membaca al-Quran? Oleh itu, satu sorotan dilakukan untuk mengenal pasti pencapaian sepanjang 36 tahun pelaksanaannya dan cabaran yang dihadapi serta strategi yang boleh diambil untuk menambahbaik atau meningkatkan kualiti program KKQ ini. Sorotan ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Fakta dan hujah yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder diteliti, dinilai serta dianalisis. Hasil sorotan ini mendapati dua isu yang timbul iaitu keprihatinan pengurusan sekolah dan tahap penguasaan guru dan murid. Cabaran keprihatinan dan kebajikan guru KKQ, keperluan KKQ, minat murid, kemahiran dan pedagogi guru, jadual waktu dan sukatan pelajaran KKQ perlu diatasi. Justeru, cadangan pendekatan dan strategi pematuhan garis panduan pelaksanaan KKQ, dorongan berterusan dan pupuk minat murid, menyusun jadual bersistematik, penambahan lantikan guru KKQ, semakan semula kurikulum dan buku teks, manfaatkan guru muda, memperkasa latihan guru dan mempelbagaikan kaedah pengajaran perlu diambil cakra dan tindakan oleh pihak berkepentingan sama ada di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahupun di peringkat pelaksana program KKQ ini di sekolah agar matlamat melahirkan murid yang berkemahiran dan cintakan al-Quran dapat dicapai dengan jayanya

Kata Kunci: Kelas Kemahiran al-Quran, Pendidikan Islam, Pascanilai, Cabaran, Strategi



Abstract

Special Class on Reading and Memorizing Al-Quran Skill (KKQ) is one of the initiatives by the Ministry of Education Malaysia to enhance Quranic skills among students, encompassing the aspects of tarannum, hafazan, tajwid, ulum al-Quran, rasm uthmani and qiraat al-sab'ie. Despite the existence of the KKQ program for three decades, the question arises: to what extent has the implementation of the KKQ program improved Quran reading skills? Therefore, an overview is conducted to identify achievements over its 36 years of implementation, the challenges faced, and strategies that can be adopted to enhance the quality of the KKQ program. This overview is conducted in a qualitative manner using content analysis as the research method. Facts and arguments obtained from primary and secondary sources are examined, evaluated, and analyzed. The results of this overview reveal two main issues: concerns regarding school management and the proficiency levels of teachers and students. Challenges related to the well-being of KKQ teachers, the necessity of the KKQ program, student interest, teacher skills and pedagogy, scheduling, and the KKQ curriculum need to be addressed. Therefore, proposed approaches and strategies include adhering to the guidelines of KKQ implementation, continuous encouragement, cultivating student interest, systematic scheduling, additional appointments for KKQ teachers, curriculum and textbook reviews, leveraging young teachers, empowering teacher training, and diversifying teaching methods. These suggestions should be considered and implemented by stakeholders at both the Ministry of Education Malaysia (MOE) level and the school level to successfully achieve the goal of producing skilled and Quran-loving students.

Keywords: al-Quran Skills Class, Islamic Studies, Postmortem, Challenge, Strategy

PENGENALAN

Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sejak tahun 1986 sehingga kini sebagai sebahagian aktiviti ko-kurikulum (Alhuzae, Muhamad Faisal & Hasanah 2022) yang perlu dilaksanakan tiga jam seminggu di luar jadual waktu rasmi persekolahan berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP) pada tahun 1985 (BPK 2012). Program KKQ ini diperluaskan ke semua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) melaksanakan Kelas Aliran Agama (KAA) setiap negeri mulai tahun 1992 (BPK 2009). Keunikan KKQ ini bukan sahaja dilaksanakan di SMKA dan SMK KAA tetapi juga di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Namun begitu, berdasarkan kepada kurikulum terkini, sekolah yang melaksanakan Tahfiz Model Ulul al-Bab, Kurikulum Bersepadu Tahfiz dikecualikan melaksanakan KKQ (KPM 2017).

Di awal pelaksanaan KKQ, guru dan murid bergantung kepada sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang merangkumi bidang Tilawah, Tafsir, Tajwid, Ulum al-Quran, Qiraat dan Tarannum tanpa buku teks yang khusus (JAPIM 2007). Pada tahun 2003 dan 2004, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah menerbitkan buku panduan KKQ untuk disebarluaskan ke sekolah-sekolah sebagai rujukan utama untuk memudahkan para guru menyampaikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan lebih baik dan berkesan berdasarkan kurikulum semakan KKQ tahun 2002. Buku panduan ini mengandungi panduan pelaksanaan serta huraian sukatan bagi tingkatan satu hingga tingkatan lima. Sukatannya dibahagikan kepada lima komponen utama iaitu tajwid al-Quran, hafalan al-Quran, Ulum al-Quran, *Qiraat al-Sab'i* dan *tarannum* al-Quran (JAPIM 2003). Seterusnya pada tahun 2008 pihak JAPIM (dikenali sekarang sebagai Bahagian Pendidikan Islam) telah menerbitkan *Buku Panduan KKQ Tingkatan 1-3 Edisi Semakan dan Buku Panduan KKQ Tingkatan 4-5 Edisi Semakan* dengan mengekalkan sukatan sedia ada di samping penambahan maklumat dan kandungan berkaitan bidang yang dipelajari sebagai rujukan utama para guru dan murid sehingga kini.

Guru KKQ yang berstatus *over & above* telah diperuntukkan di dalam senarai perjawatan (B26) tahun 2002 berdasarkan MEMO daripada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia KP(PP)0050/Jld.43(9) bertarikh 8 Mac 2002. Bilangan murid dalam setiap

kelas KKQ dicadangkan tidak melebihi 20 orang (BPK 2012) bagi membolehkan guru memberi tumpuan kepada setiap murid secara individu dan memudahkan aktiviti latih tubi secara praktikal (Sharifah Noorhidayah, Norhasanah & Nur Wadiah 2023). Pemilihan ke kelas ini berdasarkan kepada kelancaran murid dalam pembacaan al-Quran, minat dan bakat serta lulus ujian tapisan atau temuduga yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Murid yang menyertai kelas ini dianggap telah mengikuti salah satu daripada kegiatan ko-kurikulum yang diwajibkan dan kehadiran mereka dalam kelas ini hendaklah diambil kira sebagai markah dalam kegiatan ko-kurikulum (BPK 2012). Setiap murid KKQ akan menduduki peperiksaan khas di tingkatan tiga dan tingkatan lima. Peperiksaan dilaksanakan dalam bentuk lisan dan juga objektif (aneka pilihan) meliputi aspek hafazan, tajwid, *tarannum*, ulum al-Quran dan *qiraat al-sab'i*. Murid yang lulus akan dianugerahkan sijil yang ditandatangani oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Islam yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Khas KKQ. Kejayaan mereka ini diiktiraf sebagai menyertai aktiviti ko-kurikulum peringkat Kebangsaan dengan memperoleh 17 markah. Namun begitu, semasa krisis wabak COVID-19, satu panduan telah dikeluarkan oleh KPM mengenai kaedah penilaian KKQ yang mana hanya ditaksir oleh sekolah masing-masing mengikut panduan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) KKQ (BPI 2020). Semua pentaksiran dan penilaian ini adalah berlandaskan kepada buku panduan KKQ. Bagi murid tingkatan tiga dan lima akan dianugerahkan sijil khas yang ditandatangani oleh Pengarah BPI serta pelaporan PBD sekolah. Manakala bagi murid tingkatan satu, dua dan empat hanya diberikan pelaporan PBD tahun semasa di peringkat sekolah.

Namun sepanjang pelaksanaan KKQ ini, masih terdapat kelemahan dan kekurangan yang dilaporkan sama ada dalam bentuk pelaporan program, perkongsian pintar, perbengkelan panel dan guru, kursus intervensi dan konsultansi, kajian tindakan dan penulisan akademik. Isu penguasaan kemahiran guru dan murid KKQ masih menjadi tajuk perbincangan. Hal ini rentetan daripada kajian-kajian lepas yang mengutarakan kelemahan guru KKQ dalam menguasai pelbagai bidang terutama pedagogi, kemahiran lisan serta kemahiran bertaranum (Mohamad Khairul Latif, Tallah & Kamarul Azmi 2020; Jahidih & Nurul Hamimi 2021), penguasaan kemahiran lisan tajwid (Azri, Jahidih & Azmil 2020), penguasaan pengetahuan dan kemahiran digital dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) (Mohd Asri & Kamarulzaman 2021), penguasaan kaedah penggunaan *Compact Disc* (CD) dan *Information and Communications Technology* (ICT) dalam pengajaran (Mohamad Khairul Latif et al. 2019) dan penguasaan kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan (Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022). Dapatan kajian juga mendapati segelintir guru KKQ tidak mempunyai kefahaman mendalam mengenai isi pelajaran yang dipersembahkan kepada murid malah sebahagian mereka tidak melaksanakan pengajaran dalam alur objektif pengajaran KKQ yang sebenar. Terdapat juga segelintir daripada mereka melaksanakan pengajaran tanpa mengambilkira perbezaan yang berlaku dalam kalangan murid KKQ terutamanya dalam aspek pengetahuan tentang kognitif dan keupayaan murid dalam menerima isi pelajaran yang disampaikan. Mereka menyampaikan isi pelajaran yang terlalu tinggi bagi ukuran murid di samping mengajarkan isi kandungan yang terlalu banyak dalam satu-satu masa (Azri, Jahidih & Azmil 2020). Ini selari dengan dapatan Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi (2019) bahawa pendekatan dan kaedah yang diamalkan dalam pengajaran KKQ belum mencapai tahap memuaskan. Kesannya, objektif yang digariskan dalam setiap pelajaran dalam KKQ tidak tercapai.

Lebih membimbangkan, sekiranya kelemahan tersebut boleh menjejaskan pencapaian murid KKQ di sekolah yang rata-ratanya berada pada tahap yang sederhana dan lemah dalam mengaplikasikan bacaan secara bertaranum dan Qiraat (Ahmad Junaidi 2018; Sharifah Noorhidayah, Norhasanah & Nur Wadiah 2023; Mohamad Khairul, Rahimi & Samsuddin 2023). Sehubungan dengan itu, sorotan pencapaian KKQ sepanjang pelaksanaannya wajar dilakukan bagi merungkai segala isu dan cabaran yang wujud serta mengenalpasti strategi atau pendekatan yang wajar ke arah mengoptimumkan aspek keberkesannya. Kajian kualitatif ini menerapkan reka bentuk analisis dokumen terhadap semua teks yang terdiri daripada artikel jurnal, prosiding, laporan dan tesis. Kajian ini menggunakan empat pangkalan data yang popular iaitu *Google Scholar*, *ResearchGate*, Mendeley dan *Malaysian Citation Index (MyCite)* untuk mencari artikel yang diterbitkan dari tahun 2010 sehingga tahun 2023 dengan kata kunci “*pelaksanaan*”,

“cabaran” dan “KKQ”. Seterusnya artikel ini diteliti, dinilai dan dianalisis secara bertema bagi melengkapkan metodologi kajian.

PASCANILAI PENCAPAIAN KKQ

Penubuhan KKQ adalah untuk memperkasakan penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan murid dari aspek kemahiran *Tarannum*, Hafazan, Tajwid, Ulum al-Quran, *Rasm Uthmani* dan *Qiraat al-Sab'ie*. Oleh itu, dengan mempelajari KKQ ini murid dapat membaca dan menghafal surah-surah tertentu daripada al-Quran secara bertajwid dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian, memahami dan menghayati perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran merangkumi aspek sejarah penulisan, pengumpulan, pembukuan, surah dan *asbab al-nuzul*, mengetahui lagu-lagu al-Quran dan mempraktikkannya dalam bacaan harian serta mengetahui, membezakan dan membaca wajah-wajah bacaan Qiraat.

Tidak dinafikan bahawa setelah 36 tahun dilaksanakan di SMKA dan 30 tahun di SMK yang menawarkan KAA serta 8 tahun di SABK terdapat kekuatan dan kelebihan dalam program KKQ ini. Antaranya ialah penguasaan murid KKQ berada pada tahap yang baik dalam bidang tajwid berbanding murid bukan KKQ (Norizuani & Hafizhah 2021) dan dalam penguasaan pengetahuan bidang tarannum (Azmil, Mazhair Shahroz & Mohd Burhan 2014). Penguasaan guru menjadi faktor pencapaian yang baik dalam kalangan murid KKQ. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penguasaan pengetahuan kandungan buku teks KKQ dalam kalangan guru berada pada tahap yang baik dalam bidang tajwid (Jahidih, Nurul Hamimi & Azmil 2019; Jahidih & Nurul Hamimi 2021); *qiraat* (Mohd Hilmi, Kamarul Azmi & Nik Mohd Rahimi 2012) dan tarannum (Mohamad Khairul Latif, Talhah Jimaain & Kamarul Azmi 2020). Guru juga menggunakan teknik dan strategi yang pelbagai dengan mengambil kira kepelbagaian tahap dan kebolehan murid (Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022).

Malah pencapaian yang lebih membanggakan dalam pendidikan KKQ ini ialah penganjuran pelbagai program oleh KPM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, stesyen televisyen dan lain-lain seperti Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran, Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran, *Mabrajan* al-Quran, Karnival Fitrah Murid Orang Asli (Alhuzae, Muhamad Faisal & Hasanah 2022), Akademi *Qurra'*, Jom Mengaji, Jom Celik al-Quran, *World Quran Hour*, *Qan'iy Wuq' Here*, Quran@114, Celik Tajwid, Mari Bertarannum dan *Taranum Challenge*. Program-program ini telah menyerlahkan produk keluaran KKQ ini. Nama yang tidak asing dalam tilawah al-Quran di Malaysia seperti Nor Farhatul Fairuzah binti Panut (Johan Qariah Antarabangsa 2019), Aiman Ridhwan bin Mohamad Ramlan (Naib Johan Qari Antarabangsa 2022), Sofizah binti Mousin (Johan Qariah Antarabangsa 2022), Siti Nabilah binti Zamri (Johan Hafazan 1-10 Juzuk negeri Melaka 2022) dan beberapa individu lagi secara tidak langsung telah membuka mata masyarakat tentang keupayaan KKQ ini dalam meningkatkan mutu pembacaan al-Quran dalam kalangan murid dan pengetahuan mereka dalam ilmu-ilmu al-Quran yang lain (Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022) seterusnya melebarkan kemahiran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada era Pendidikan Abad ke-21 ini, penggunaan ICT menjadi semakin tinggi berikutan kehendak dan peredaran zaman. Kemajuan dalam teknologi telah membuka banyak ruang dalam kaedah pembelajaran lantas mengubah teknik penyampaian pengajaran oleh pendidik, bahkan ia menjadikan proses pendidikan sesuatu yang sangat menarik dan berinteraktif. PdP menggunakan pembelajaran digital memberi banyak implikasi positif kepada guru dan murid (Eliza Annis et al. 2020; Nurul Auji et al. 2022). Beberapa kajian menyatakan bahawa penggunaan aplikasi menjadikan pembelajaran dan pengajaran KKQ lebih mudah difahami kerana penggunaan grafik yang menarik dalam bidang Tarannum (Farah Ilyani et al. 2021; Nurul Auji et al. 2022), hafazan (Mohd Nasrun, Khadijah & Maizatul Suraya 2021) dan qiraat (Ahmad Zulfiqar Shah et al. 2020). Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pendidikan KKQ juga bergerak seiring dengan arus kemajuan digital ini.

Melalui sorotan kajian yang dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa pencapaian KKQ sepanjang pelaksanaannya adalah memberangsangkan. Walaupun ia berstatus kokurikulum di sekolah yang terlibat, namun terdapat pelbagai usaha dan inisiatif dilakukan bagi mempertingkatkan keberkesanan program ini. Lebih membanggakan apabila kemunculan

program-program yang memartabatkan al-Quran pada masa kini yang telah menonjolkan tokoh-tokoh keluaran KKQ. Usaha-usaha memperkasakan al-Quran umumnya dan KKQ khususnya perlu diteruskan agar kelemahan yang ada dalam pelaksanaan KKQ dapat ditambahbaik daripada semasa ke semasa.

ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN KKQ

Terdapat beberapa kajian terdahulu berkaitan program KKQ ini sejak ia dilaksanakan yang merangkumi pelbagai aspek terutama dari segi pelaksanaan KKQ di sekolah, hubungan sikap dan minat murid KKQ, tahap pengetahuan pedagogi dan kurikulum, tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran guru dan murid, amalan pengajaran guru, inovasi dalam pengajaran dan lain-lain lagi. Memandangkan KKQ berstatus kokurikulum, beberapa isu masih diperbincang dan dilaporkan hingga ke hari ini seperti pengurusan pihak sekolah, penguasaan murid dan pengetahuan guru yang memerlukan pihak KPM memperhalusi dan mempertimbangkannya serta mengambil pendekatan terbaik untuk menangani isu-isu ini.

Keperihatinan Pengurusan Sekolah

Pelaksanaan KKQ yang berjaya di sekolah adalah bergantung kepada pengurusan yang cekap serta penerimaan dan pemahaman pentadbir sekolah tersebut (Azarul Razamin et al. 2023). Hal ini turut disokong oleh Farah, Yahya & Yaakob (2020); Vhyshnavi & Khairul Azhar (2021) bahawa gaya kepimpinan perlu dialihkan kepada lebih strategik, berhemah, inovatif dan bersifat holistik. Namun dalam Laporan Bengkel Jawatankuasa Kursus Profesionalisme Guru KKQ Negeri Selangor (JPNS 2023) dan Laporan Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru KKQ Selangor (JPNS 2016), guru KKQ telah menyuarakan beberapa cabaran yang dihadapi oleh mereka sepanjang pelaksanaan KKQ di sekolah masing-masing, antaranya adalah kurangnya keperihatinan pentadbir tentang kebajikan guru dan kelas KKQ itu. Jadual waktu guru KKQ yang tidak fleksibel berbanding guru akademik biasa. Pada lazimnya, kehadiran guru akademik ke sekolah bermula daripada jam 7.00 pagi hingga jam 2.00 petang. Namun, pihak pentadbir meminta sebahagian guru KKQ hadir ke sekolah bermula jam 7.00 pagi hingga jam 5.00 petang dengan alasan bagi menampung ketidakcukupan guru mata pelajaran Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Pengajian Islam Elektif. Sehubungan dengan itu, guru KKQ diminta untuk mengajar subjek teras dan elektif tersebut justeru menyebabkan waktu mengajar mereka melebihi 30 waktu seminggu.

Di samping itu, guru KKQ juga diberikan jawatan-jawatan utama dalam pengurusan sekolah seperti Setiausaha Kurikulum, Setiausaha Hal Ehwal Murid, Setiausaha Kokurikulum, Ketua guru disiplin, guru kelas dan lain-lain lagi yang berkehendakkan guru KKQ ini melaksanakan komitmen seawal pagi persekolahan (JPNS 2023). Peningkatan beban tugas ini menyebabkan ramai guru mengalami tekanan kerana mereka tidak mempunyai daya untuk berdepan dengan kehendak reformasi bidang dan tuntutan semasa (Vhyshnavi & Khairul Azhar 2021). Malah membimbangkan apabila berlaku agihan tugas yang tidak seimbang mengikut faktor tempoh bertugas, status perkahwinan, usia, efikasi dan sistem kerja guru seperti guru baharu, bujang, muda dan rajin (Tajul Rosli et al. 2023). Permasalahan ini telah menyebabkan guru-guru KKQ merasa tertekan malah tidak berminat untuk mengajar KKQ.

Malah ada sebahagian pentadbir sekolah menganggap program KKQ ini adalah tidak penting kerana ianya berstatus kokurikulum (JPNS 2023). Masalah lokasi kelas KKQ yang sentiasa berubah-ubah mengikut kekosongan kelas disebabkan tiada bilik khas dan penyediaan bahan bantu belajar KKQ perlu diatasi agar guru dan murid KKQ dapat mengikut PdP dengan lebih kondusif (Farah Ilyani 2011; Azri, Jahidih & Azmil 2020). Sehingga kini, terdapat kelas KKQ dilaksanakan di surau sekolah memandangkan kelas-kelas sedia ada digunakan untuk kelas tambahan dan aktiviti sekolah (Nor Syazwani, Nur Farhani & Nurul Atiqah 2019). Hal ini jelas menunjukkan pentadbir sekolah perlu bersikap prihatin tentang keperluan program KKQ ini di sekolah masing-masing.

Penguasaan Guru dan Murid

Seorang guru yang dikatakan mahir itu mestilah mempunyai kemahiran dalam pengajaran yang menjadikan aktiviti pengajaran dapat dijalankan secara sistematik menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dimana kesannya dapat memotivasikan pelajar untuk belajar (Muhamad Nasir, Zaharah & Mohd Faisal 2020). Namun kajian lepas mendapati tahap penguasaan guru masih berada pada tahap sederhana dan kurang memuaskan terutama dalam kemahiran bertarannum (Yulizar Bila 2011; Mohd Aderi & Farah Ilyani 2011; Zulkifli 2014; Azmil & Jahidih 2015; Mohamad Khairul Latif et al. 2020), penguasaan kemahiran lisan tajwid (Azmil & Jahidih 2015; Azri, Jahidih & Azmil 2020), penguasaan pengetahuan dan kemahiran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) (Mohd Asri & Kamarulzaman 2021), penguasaan kaedah penggunaan CD dan ICT dalam pengajaran (Mohamad Khairul Latif et al. 2020) dan penguasaan kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan (Mohd Aderi 2011; Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi 2019; Azri, Jahidih & Azmil 2020; Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022).

Beberapa cabaran yang menyumbang kepada isu kemahiran guru KKQ ialah lantikan guru baharu dan bukan opsyen, tidak mengikuti kursus penyebaran dan latihan (Mohamad Khairul Latif et al. 2020) serta sikap dan minat mereka dalam mengajar KKQ ini (Zulkifli 2014; Jahidih & Nurul Hamimi 2021). Berdasarkan memo Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia KP(PP)0050/Jld.43(9) bertarikh 8 Mac 2002 jawatan guru KKQ diperuntukkan di dalam senarai perjawatan (B26) tahun 2002. Disebabkan kekurangan bekalan guru opsyen KKQ, pihak berautoriti telah menempatkan guru opsyen Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Dini untuk mengajar KKQ bagi meneruskan kelangsungan kelas ini (Mohamad Khairul Latif et al. 2020). Sudah tentu hal ini mendatangkan permasalahan penguasaan terutama dalam bidang *Qiraat* dan *Tarannum* yang memerlukan kepada latihan yang berterusan. Malah pelantikan sebagai guru KKQ bukan atas sukarela dan minat, memungkinkan pengajaran KKQ berlaku sekadar melepaskan batuk di tangga dan guru tidak peka dengan informasi dan kehendak semasa (Mohamad Khairul Latif, Rahimi & Samsuddin 2023).

Kelemahan dalam penguasaan guru KKQ memberi kesan terhadap pencapaian murid juga. Kajian menunjukkan penguasaan murid berada pada tahap sederhana dan lemah dalam kemahiran bertarannum (Eadil 2010; Sakri 2010; Azarudin et al. 2011; Mohd Asri 2012; Farah Ilyani & Wan Hilmi 2012; Azmil et al. 2014; Mohd Amir 2017; Muhamad Nasir et al. 2017), *Qiraat al-Sab'ie* (Ahmad Junaidi & Mohd Abdul Nasir 2016; Ahmad Junaidi 2018; Sharifah Noorhidayah, Norhasanah & Nur Wadiah 2023; Mohamad Khairul Latif, Rahimi & Samsuddin 2023) dan bidang tajwid (Azarudin et al. 2011; Norizuani & Hafizhah 2021).

Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini, antaranya ialah sikap dan minat murid KKQ itu sendiri. Sikap dan minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran mempunyai hubungan penting dengan pencapaian akademik mereka (Amrina Rasyada, Nik Md Saiful Azizi & Rabi'atul Athirah 2021). Ia merupakan salah satu cabaran yang boleh mempengaruhi pembelajaran seseorang (Ahmad Junaidi 2018) kerana ada dalam kalangan mereka menyertai kelas KKQ kerana paksaan dan bukan kerelaan sendiri malah ada yang mengikut rakan lain (Nor Syazwani, Nur Farhani & Nurul Atiqah 2019). Dengan ketiadaan minat, murid kurang memberikan tumpuan di dalam kelas, mudah merasa bosan dan sukar untuk menguasai subjek yang diajar oleh guru, tidak membawa buku panduan dan latihan KKQ semasa sesi PdP. Kemuncaknya, murid ini tidak bersungguh-sungguh semasa menduduki peperiksaan menyebabkan mereka mendapat keputusan yang tidak memuaskan (Nor Syazwani, Nur Farhani & Nurul Atiqah 2019; Sharifah Noorhidayah, Norhasanah & Nur Wadiah 2023;).

Pelaksanaan KKQ berlaku di luar sesi persekolahan, maka sudah semestinya terdapat kekangan yang dihadapi oleh kebanyakan sekolah. Berdasarkan dapatan laporan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (2018; 2023), KKQ diadakan sebanyak tiga jam seminggu bagi setiap tingkatan yang berbeza mengikut kesesuaian sekolah masing-masing. Malah ada juga sekolah yang melaksanakan KKQ ini kurang daripada tiga jam seminggu disebabkan jadual yang padat. Senario ini menyebabkan murid tidak berminat dengan kelas ini dan cuba mengelak untuk hadir ke kelas malah tumpuan murid semasa sesi PdP juga kurang. Murid lebih berminat untuk menghadiri

aktiviti ko-kurikulum yang lain dan kelas tambahan sekiranya dilaksanakan pada waktu yang sama (Mohd Aderi 2011; Mohd Faisal Mohamed et al. 2012). Ia juga turut disokong dengan kajian Tze Ching Ong, Tengku Mohamad Amer & Chee Sern Lai (2021) bahawa beban akademik yang tinggi seperti tugas, projek dan ujian menyebabkan murid memperuntukkan masa yang banyak untuk menyiapkan tugas. Di samping itu juga, murid KKQ di SMKA dan SABK menghadapi masalah dengan jadual yang begitu padat hingga memaksa mereka menghadiri kelas KKQ pada waktu malam (JPNS 2023). Di samping itu, ketidakhadiran guru pada waktu PdP disebabkan menghadiri mesyuarat mengundang permasalahan ini. Keadaan lebih parah sekiranya ketidakhadiran guru KKQ ini ada hubung kait dengan jadual yang tidak fleksibel menyebabkan mereka kurang bermotivasi dan bersemangat untuk melaksanakan PdP KKQ.

Permasalahan sukatan kandungan yang banyak dan kemahiran yang diajar terlalu tinggi adalah kurang sesuai dengan tahap kemampuan murid (Eadil, 2010; Ahmad Junaidi 2018; JPNS 2018; Azri, Jahidih & Azmil, 2020; Sharifah Noorhidayah, Norhasanah & Nur Wadiah 2023; JPNS 2023). Selain itu, agihan tajuk tidak seimbang dan tersusun antara tingkatan, beberapa fakta dalam buku teks kurang tepat kerana buku panduan KKQ belum disemak secara serius (JPNS, 2023). Di samping itu, reka bentuk buku panduan KKQ yang tidak menarik juga mengundang kepada ketidakcapaian penguasaan murid KKQ. Kandungan buku panduan yang bersifat karangan menyebabkan murid KKQ merasa bosan dan tidak berminat untuk merujuk buku tersebut. Hal ini disokong oleh kajian Suraya (2003) bahawa cara huraian isi kandungan buku teks yang lebih bersifat karangan panjang adalah penyebab buku teks menjadi buku pilihan kedua selepas buku-buku rujukan dan buku-buku lain keluaran penerbit swasta. Menurut Nur Afiqah dan Roslinda (2021), keupayaan buku teks untuk menampilkan kandungan yang penuh dengan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritikal sangat penting memandangkan murid dan guru sekolah bergantung kepada buku teks sebagai rujukan utama dalam pembelajaran.

Di samping itu, kelemahan guru KKQ dalam menguasai pedagogi (Mohamad Khairul Latif et al. 2020; Muhamad Nasir, Zaharah & Mohd Faisal 2020) serta amalan pengajaran guru KKQ secara tradisional (Eadil 2010; Mohd Aderi 2011; Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi 2019; Azri, Jahidih & Azmil 2020; Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022) menyebabkan murid merasa bosan, pasif dan tidak berminat untuk mengikuti kelas ini. Dapatan juga menunjukkan penerangan guru tidak jelas dan sukar difahami akan menyebabkan objektif kelas KKQ ini tidak tercapai (Eadil, 2010; Mohamad Khairul Latif et al. 2020). Ini disokong dengan kajian Haziyah & Masitah (2018) bahawa kemahiran guru dalam penyampaian pengajaran merupakan salah satu faktor kelemahan penguasaan murid.

Tuntasnya, kurang keprihatinan pengurusan sekolah, tahap penguasaan guru dan murid yang tidak memberangsangkan merupakan isu dan cabaran yang perlu diambil berat dan tindakan yang sewajarnya oleh semua pihak yang berautoriti dalam pelaksanaan KKQ ini. Penambahbaikan segera dalam isu ini dengan mengadakan perbincangan dua hala, pemantauan dan penyebaran informasi pelaksanaan KKQ akan menghasilkan impak positif yang menyeluruh bagi mencapai matlamat penubuhan KKQ ini.

STRATEGI KEBERKESANAN PELAKSANAAN KKQ

Pelbagai strategi perlu dikenalpasti bagi menambahbaik dan memperkasakan KKQ ini. Dalam isu pengurusan pelaksanaan KKQ di sekolah, beberapa strategi boleh diambil oleh pihak pengurusan dan pelaksana bagi memberikan situasi sama menang (*win-win situation*) agar pelaksanaan KKQ dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Pematuhan Garis Panduan Pelaksanaan KKQ

Dalam merungkai permasalahan jadual waktu yang tidak fleksibel ini, pihak pentadbir perlu melihat kembali panduan pelaksanaan KKQ (BPK 2012). Menjadi tanggungjawab pentadbir sekolah untuk menyusun jadual yang membolehkan guru yang terbabit datang lewat kerana mereka terpaksa pulang lebih lewat berbanding dengan guru-guru lain, begitu juga sebaliknya (Eadil 2010; Mohd Faisal et al. 2012). Sebagai seorang pendidik, guru KKQ sentiasa menerima

arahan dengan baik dan mengambil tanggungjawab untuk mengajar mata pelajaran seperti Pendidikan Islam, Bahasa Arab, al-Syariah, Usul al-Din dan mata pelajaran lain yang diminta untuk membantu mengatasi kekurangan guru di sekolah. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah disarankan agar mempertimbangkan gabungan waktu antara mata pelajaran utama guru dengan mata pelajaran sampingan yang diajar. Ini akan membantu mengurangkan beban tugas guru KKQ dan memastikan kesinambungan pelajaran yang berkualiti kepada murid-murid. Contohnya, guru KKQ seharusnya memberi keutamaan kepada mata pelajaran KKQ berbanding mata pelajaran lain. Sekiranya terdapat lagi lebih masa, maka guru KKQ boleh diminta membantu mengajar mata pelajaran lain (BPK, 2012). Pendekatan ini selaras dengan Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah Menengah: *Malaysia School Governance* (MySG) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan sumber Manusia, KPM (2021) telah memperuntukkan jadual pengajaran 30 waktu seminggu bergantung pelaksanaan PdP sama ada 30 atau 40 minit.

Garis panduan pelaksanaan KKQ dengan jelas menyatakan bahawa guru KKQ secara khusus tidak diberi jawatan-jawatan berat seperti ketua panitia, setiausaha pentadbiran sekolah, guru penyelaras sesuatu bidang, ketua rumah sukan, guru tingkatan, dan seumpamanya. Langkah ini diambil untuk memastikan guru KKQ dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya dalam PdP serta menjalankan aktiviti pemulihan al-Quran, budaya al-Quran dan segala aktiviti berkaitan al-Quran. Walaupun ada klausa yang membolehkan pentadbir sekolah melantik guru KKQ sebarang jawatan tertentu berdasarkan keperluan sekolah, namun perbincangan dan persetujuan awal perlu dilakukan agar tiada rungutan, tekanan, dan permasalahan di masa akan datang. Menurut Azreen Harina, Norudin & Zuraida (2016), guru perlu menerima beban tugas secara positif kerana beban kerja merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan oleh seorang pendidik bahkan ia merupakan salah satu elemen penilaian prestasi kerja. Namun, pentadbir sekolah perlu memastikan supaya beban tugas yang diterima guru berada pada tahap yang munasabah (Farah Deeba & Uzma 2013; Norfatin Nadhiah 2021). Beban tugas yang keterlaluan akan menjejaskan prestasi mereka (Hamdan & M. Al-Muz-Zammil 2022). Pemberian beban kerja yang lebih tinggi daripada rakan sekerja menyebabkan ketidakseimbangan dalam pelaksanaan tugas sepanjang tahun. Oleh itu, pentadbiran sekolah perlu bersikap adil dalam pelantikan dan pembahagian tugas untuk memastikan keseluruhan sistem berjalan dengan lancar dan guru dapat memberikan khidmat yang terbaik dalam pendidikan.

Selain daripada itu, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri hendaklah memberikan bimbingan dan penyebaran maklumat kepada pentadbir mengenai pelaksanaan KKQ ini. Kerana seorang pentadbir yang cemerlang sebaiknya menjaga kebajikan para guru kerana ia mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti kerja guru dan kejayaan sesebuah sekolah (Mohd. Tahir 2006). Malah kepakaran dan perkhidmatan guru perlu sentiasa dihargai dan diiktiraf. Sebagai pemimpin, pentadbir perlu mempunyai kecenderungan untuk membawa perubahan sosial yang positif, mengenalpasti kontroversi dan konflik yang timbul untuk diselesaikan dan mengambil pendekatan strategik bagi menangani isu dan permasalahan yang boleh menghambat perkembangan sekolah. Di samping itu, budaya kerja yang cemerlang seharusnya menjadi Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) bagi seorang pentadbir supaya sekolah yang dipimpin mencapai sasaran ditetapkan. Oleh itu, nilai-nilai seperti kreativiti, inovasi, integriti, semangat kerja berpasukan, dan komitmen perlu ditanamkan dalam semua peringkat pimpinan sekolah (Muhyidin 2010). Ini akan membantu mencapai sasaran pendidikan dengan lebih efektif dan memberi impak positif kepada perkembangan murid-murid.

Dorongan Berterusan dan Pupuk Minat Murid

Pemilihan murid KKQ ini adalah berasaskan kepada kefasihan dan kelancaran dalam bacaan al-Quran serta bakat dan minat yang mendalam untuk menyertai kelas ini. Di samping itu, dorongan dan rangsangan para guru, ibu bapa dan persekitaran memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran KKQ ini kerana ia berupaya mewujudkan keseimbangan motivasi yang boleh memberikan impak yang positif dalam meningkatkan penguasaan KKQ mereka (Ahmad Junaidi 2018). Justeru, faktor jadual pelaksanaan di luar sesi persekolahan dan pertindihan aktiviti tidak mengugut kehadiran dan minat mereka untuk mempelajari KKQ. Ini menunjukkan bahawa

kecenderungan dan minat mereka terhadap pengajian al-Quran tidak terjejas oleh penjadualan di luar waktu biasa. Dorongan yang berterusan daripada semua pihak secara tidak langsung mendorong dan memotivasi murid-murid untuk terus berusaha mengikuti pembelajaran dengan dedikasi yang tinggi. Kesungguhan dan dorongan ini akan memberikan impak yang positif kepada pembelajaran mereka dan membangunkan kecintaan terhadap al-Quran sebagai sumber ilmu dan panduan hidup (Muhammad Zulazizi et al. 2021).

Pengaruh minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tertentu juga mempengaruhi tahap pencapaian murid. Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi. (Jahidih & Nurul Hamimi 2021). Oleh itu, minat perlu ditanamkan dalam diri murid itu sendiri. Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan penyertaan dan dorongan ibubapa, guru dan rakan sebaya di dalam proses pembelajaran (Ahmad Junaidi 2018; Ahmad Munawar & Abdul Muhaimin 2021). Sebagai seorang yang sedang meningkat dewasa, pengaruh rakan sebaya merupakan pengaruh yang sangat kuat. Menurut Quek (2006), rakan sebaya mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian murid dalam pelajaran. Persamaan daripada segi minat dan kecenderungan akan memudahkan mereka untuk berkongsi pengalaman dan idea.

Menyusun Jadual Bersistematik dan Penambahan Lantikan Guru KKQ

Memandangkan pelaksanaan KKQ ini perlu dijalankan di luar sesi persekolahan, terdapat beberapa strategi yang boleh diambil. Antaranya, bagi murid sesi pagi, kelas KKQ hendaklah dilaksanakan pada sebelah petang sementara bagi murid sesi petang kelas KKQ dilaksanakan pada sebelah pagi. Manakala bagi sekolah satu sesi yang melaksanakan KKQ setakat di tingkatan tiga, semua PdP boleh dilaksanakan pada waktu petang dengan mengambil kira cadangan jadual mengikut garis panduan pelaksanaan KKQ (BPK 2012). Manakala sekolah sesi pagi yang melaksanakan KKQ sehingga di tingkatan lima, pihak sekolah boleh juga mematuhi garis panduan pelaksanaan sedia ada. Di samping itu boleh memasukkan sebahagian waktu PdP KKQ di dalam aktiviti kokurikulum pada setiap hari Rabu dengan pengisian slot kemahiran *bertarannum*, *qiraat* dan hafazan. Ia boleh dilaksanakan mengikut sukatan masing-masing dengan bantuan guru KKQ, guru penasihat dan guru muda di sekolah berkenaan. Walaupun telah diperuntukkan seorang guru KKQ di sebuah sekolah, namun penambahan satu lantikan guru KKQ lagi akan dapat membantu pengurusan sekolah dalam melaksanakan KKQ sehingga tingkatan lima. Penambahan guru ini amat penting kerana terdapat sekolah yang tidak mempunyai guru opsyen KKQ justeru berlakulah lantikan dalam kalangan guru yang tidak kompeten dan berkemahiran. Bahkan kewujudan dua orang guru baharu yang bukan opsyen KKQ membolehkan mereka berinteraksi, berkomunikasi dan berkongsi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diajar.

Semakan Semula Kurikulum, Buku Teks dan Manfaatkan Guru Muda

Bagi menyelesaikan isu sukatan yang tinggi dan banyak, agihan tajuk yang tidak seimbang dan tersusun serta fakta yang kurang tepat dalam buku teks atau buku panduan KKQ, pihak KPM disarankan agar menyemak kurikulum dan buku teks KKQ dengan mengambil kira saranan-saranan kajian terdahulu, laporan jabatan pendidikan setiap negeri, pandangan guru cemerlang dan jurulatih KKQ kebangsaan serta pihak yang berkaitan. Maklum balas pelbagai pihak berkepentingan ini amat penting kerana amalan penyediaan dan penggubalan silibus atau kurikulum tidak hanya membabitkan satu pihak sebaliknya ia dijalankan secara berpasukan termasuk pakar daripada pelbagai bidang (Nas Norziela 2022). Laporan Bengkel Jawatankuasa Kursus Profesionalisme Guru KKQ Negeri Selangor (JPNS 2023) mencadangkan sukatan KKQ perlu diselaraskan mengikut sukatan mata pelajaran semasa Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KSSM), Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) agar fakta yang dimuatkan adalah selari dan tepat serta tiada percanggahan fakta di samping mengikut kepada tahap kemampuan murid (Ahmad Junaidi 2018) dan lebih holistik dan relevan selaras dengan keperluan abad ke-21 (KPM 2013).

Pembinaan semula buku teks berdasarkan semakan kurikulum baharu perlu dilakukan kerana buku teks merupakan rujukan guru dan murid dalam menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bermakna. Sehubungan itu, penampilan buku teks perlu mempunyai kualiti dan sesuai dengan keupayaan dan tahap murid. Ini adalah kerana buku teks yang bermutu bukan sahaja dapat menentukan perkembangan ilmu pengetahuan, tetapi juga membantu pembinaan sahsiah dan perkembangan rohani murid (Nurul Hasna, Ahmad Arifin & Saedah 2020).

Pendekatan “Guru Muda” yang sinonim sebagai seorang mentor dan rakan sebaya boleh menangani isu ketiadaan guru KKQ untuk melaksanakan PdP disebabkan menghadiri bengkel, mesyuarat atau program. Murid yang dipilih menjadi “Guru Muda” mempunyai latar belakang akademik yang cemerlang dalam peperiksaan serta bidang berkaitan dan diberi mandat untuk memberi bimbingan serta berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman antara mereka (Marcella, Siew Nyet Moi & Mad Noor 2023). Lazimnya, untuk Melindungi Masa Instruksional (MMI) yang disarankan oleh pihak KPM, guru KKQ akan memberi tugas kepada murid seperti latihan dalam buku kerja atau hafazan dan tasmik surah-surah sukatan. Justeru dalam mendepani kekangan ini, “Guru Muda” boleh berperanan untuk membantu rakan mereka dalam kumpulan kecil mengikut kesesuaian. Ia juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah yang tidak dapat memperoleh guru gantian memandangkan pelaksanaan KKQ ini di luar jadual waktu persekolahan.

Memperkasa Latihan Guru dan Mempelbagaikan Kaedah Pengajaran

Seorang guru yang berkualiti perlu mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang profesional agar dapat menyampaikan pengajaran secara holistik dan menyeluruh. Oleh itu, bagi mengatasi masalah penguasaan guru, pendekatan yang boleh diambil adalah memastikan guru yang mengajar KKQ sama ada mereka terdiri daripada opsyen KKQ atau bukan opsyen diberikan penataran, pendedahan, latihan yang berkala dan berterusan agar mereka dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran terutama bidang *tarannum* dan *qiraat* (Mohamad Khairul Latif, Talhah & Kamarul Azmi 2020). Menurut Farah Ilyani (2011), penyertaan guru dalam latihan atau kursus akan dapat meningkatkan penguasaan mereka. Guru-guru akan lebih berkemahiran dan cekap untuk melaksanakan pengajaran dengan lebih baik selain dapat meningkatkan lagi motivasi, minat serta semangat dalam diri. Mereka juga mampu menghadapi segala cabaran dalam menguruskan murid KKQ dan berkeupayaan menjana ilmu pengetahuan yang baharu dan lebih kreatif dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan (Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022). Kursus, latihan peringkat dalaman dan seminar yang diadakan di sekolah menjadi medium utama untuk para guru berkongsi ilmu serta bertukar idea untuk melakukan penambahbaikan dalam merancang dan membina rancangan pengajaran harian guru. Menurut Ab Halim & Zetty Nurzuliana (2022) dan Low Suet Fin et al. (2014), guru yang memiliki tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi mampu mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan dan pembelajaran yang berkesan.

Tanggungjawab dan tugas guru tidak sahaja mentadbir ataupun menguruskan kelas malah mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih penting dalam proses pengajaran iaitu menyampaikan ilmu kepada murid. Pengajaran guru seharusnya berdaya tarikan dan mampu meningkatkan motivasi murid. Motivasi akan menjadi berkurangan apabila proses pembelajaran dipenuhi dengan aktiviti yang tidak bermakna. Kajian Ee (1998) juga mendapati bahawa guru dapat meningkatkan minat murid melalui pelbagai rangsangan seperti nada yang berubah-ubah, bahan bantu yang menarik, permainan dan sebagainya. Melalui cara ini, guru akan dapat meningkatkan minat dan rasa ingin tahun murid terhadap pengajarannya. Murid yang mendapat motivasi daripada guru biasanya akan menjadi lebih berminat yang seterusnya membantu proses pencapaian objektif pembelajaran. PdP berbentuk permainan dan berasaskan aktiviti, main peranan dan guna alat bantuan mengajar amat membantu murid dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran berbanding menggunakan kaedah pengajaran tradisional, kaedah kuliah dan hanya berpusatkan guru (Zulkifli 2013; Nurfadilah, Khadijah & Harun 2022). Justeru mempelbagaikan bahan bantu mengajar khususnya yang bersifat autentik seperti keratan akhbar, bahan audio visual

dan bahan grafik serta mempertingkatkan strategi, teknik dan kaedah pengajaran yang terbaik akan memberi kesan positif terhadap pencapaian dan minat murid.

KESIMPULAN

Perlaksanaan KKQ di Malaysia dalam tempoh 36 tahun menunjukkan keberkesanan program dan perlu diteruskan dengan penambahbaikan. Walaupun tahap penguasaan kemahiran guru dan murid masih berada di tahap yang sederhana dalam beberapa bidang namun penguasaan pengetahuan mereka berada pada tahap yang baik. Isu dan cabaran yang timbul dalam pengurusan dan pelaksanaan KKQ di sekolah perlu diambil tindakan segera oleh pihak yang berkepentingan sama ada di peringkat KPM mahupun di peringkat pelaksana program KKQ di sekolah. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar pendekatan dan strategi pematuhan garis panduan pelaksanaan KKQ, dorongan berterusan dan pupuk minat murid, menyusun jadual bersistematik, penambahan lantikan guru KKQ, semakan semula kurikulum dan buku teks, manfaatkan guru muda, memperkasa latihan guru dan mempelbagaikan kaedah pengajaran perlu diaplikasikan agar hasrat kewujudan KKQ ini untuk memperkasakan penguasaan kemahiran al-Quran di kalangan murid tercapai. Kajian lanjutan perlu dilakukan berkaitan tahap kesediaan murid dalam penggunaan e-pembelajaran dan multimedia dalam pembelajaran KKQ. Di samping itu juga, guru KKQ perlu sentiasa mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan menghadiri kursus, bengkel, wacana minda, perkongsian ilmu dan lain-lain. Implikasi kajian ini sangat berguna sebagai pertimbangan penting oleh pihak berkepentingan untuk menganjurkan bengkel berkala dan kursus pemerkasaan sebagai salah satu usaha untuk menambahkan pengetahuan di samping mengasah kompetensi pengetahuan guru di dalam bidang KKQ ini.

Rujukan

- Ab Halim Tamuri & Zetty Nurzuliana Rashed. 2022. *Akademika 92(Isu Khas)*: 3-13.
- Ahmad Junaidi Mohamad Said & Mohd Abdul Nasir Abd Latif. 2016. Hubungan motivasi dengan tahap penguasaan *Qira'at al-Sab'ie* dalam kalangan pelajar Kelas Kemahiran Al-Qur'an (KKQ) di negeri Perak. *Online Journal Of Islamic Education, Vol. 4(2)*: 36-45.
- Ahmad Junaidi Mohamad Said. 2018. Faktor penguasaan *Qira'at al-Sab'ie* dalam kalangan pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal Al-Quran (KKQ) di negeri Perak. Tesis Sarjana. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Munawar Ismail & Abdul Muhaimin Mahmood. 2021. Impak Nilai Beta (β) dalam Mengukur Pengaruh Pembelajaran Sosial terhadap Perilaku Remaja Muslim. *Akademika 91(Isu Khas)*: 157-167.
- Amrina Rasyada Kamaruzaman, Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa @ Omar. 2021. Jawi Writing in al-Quran and al-Sunnah Subject at Secondary School: Issues and Challenges. *Jurnal al-Turath; Vol. 6 (2)*: 78-88.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub. 2011. Tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar di UTM Terengganu. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(2): 83-100.
- Azmil Hashim & Jahidih Sali. 2015. Hubungan antara Tahap Kemahiran Al-Quran Guru dan Pencapaian Tajwid Al-Quran Pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1): 144-151.
- Azmil Hashim, Mazhair Shahroz Muhasip & Mohd Burhan Jusoh. 2014. Persepsi pelajar terhadap amalan pembelajaran *tarannum* al-Quran. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 1(1): 44-59.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2012. *Panduan pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran*. Putrajaya: Unit Pengajian Islam Elektif, Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM.
- Bahagian Pendidikan Islam. 2020. *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran*. Cyberjaya: Bahagian Pendidikan Islam KPM.
- Eliza Annis Thangaiyah, Ruzzakiah Jenal & Jamaiah Yahaya. 2020. Penerokaan Penggunaan E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar dan Pengajar TVET - Satu Kajian Awal. *Akademika 90 (Isu Khas 3)*: 5-18.
- Farah Ilyani Zakaria & Wan Hilmi Wan Abdullah. 2012. Kajian penguasaan *tarannum* al-Quran KKQ di Selangor: Tinjauan penilaian produk berasaskan model penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield 1985). *Prosiding Seminar Serantau Maqasid al-Quran 2012*: 88-100.
- Farah Ilyani Zakaria. 2011. *Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Selangor*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak & Hafizhah Zulkifli. 2021. Evaluation of tarannum al-quran teaching in malaysian national religious secondary school. *Al-Hayat: Journal of Islamic Education (AJIE)* Vol. 5 (1): 40-54.
- Haziyah Hussin & Masitah Ismail. 2018. Keberkesanan Kaedah al-Matien dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran. *Jurnal al-Turath; Vol. 3 (2)*: 1-8.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. 2003. *Buku kurikulum Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral KPM.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. 2007. *Panduan eksekutif Kelas Aliran Agama (KAA)*. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral KPM.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. 2009. *Panduan pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran*. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Low Suet Fin, Amiruddin Zainuddin & Rafidah Ruhani. 2014. Standard guru Malaysia: Tahap pengetahuan Guru Pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Penyelidikan Tempawan* 31: 62-78.
- Marcella Modius, Siew Nyet Moi & Mad Noor Madjapuni. 2023. Pendekatan Guru Muda dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik di sekolah menengah: Satu kajian kes. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (49): 37-56.
- Mohamad Khairul Latif, Rahimi Md Saad & Samsuddin Abd Hamid. 2023. Islamic Education Teachers' Competency in Teaching Qiraat Sab'ah for the Quranic Class. *Firdaus Journal*, Vol 3(1):19-27.
- Mohamad Khairul Latif, Talhah Jimaain & Kamarul Azmi Jasmi. 2020. Competence and method of teaching Tarannum Al-Quran among teachers of Special Class on Reading and Memorizing Al-Quran Skill (KKQ) in Johor. *Proceedings of the 3rd International Conference on Research of Educational Administration and Management (ICREAM 2019)*. 249-253.
- Mohd Asri bin Ali. 2012. *Penguasaan Tarannum Pelajar Khas Kemahiran al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Shah Alam*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Asri Muhammad Noor & Kamarulzaman Abd Ghani. 2021. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bagi pengajian tajwid Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ): Isu, Cabaran dan Penyelesaian. *Prosiding Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2021*. 20-28.
- Mohd Faisal Mohamed, Wan Hasmah Wan Mamat & Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. Kelas Kemahiran Al-Qur'an ke arah pembangunan generasi al-Qur'an di Malaysia. *Forum Tarbiyah* 10: 1-12.
- Mohd Tahir Mustapha. 2006. Peranan penolong kanan ke arah keberkesanan sekolah. *Jurnal Pendidikan PKPSM Negeri Sembilan*.
- Mohd. Aderi Che Noh. 2011. Pelaksanaan Kelas Kemahiran Al-Qur'an Di Malaysia: Satu Analisis. *Journal of Islamic And Arabic Education*, 3 (1) 47-58. UKM: Bangi.
- Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff. 2017. Penguasaan Tarannum Al-Quran: Analisis terhadap peserta Majlis Tilawah al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah Kementerian di daerah Klang dan Sepang. *Jurnal Quranica*, 9(1): 67-92.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad. 2021. Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal al-Turath, Vol. 6 (1)*: 43-55.
- Muhyidin Yasin. 2010. Pengetua disyor buat penilaian menyeluruh aktiviti sekolah. *Berita Harian*. 3 November. http://eprints.iab.edu.my/v2/357/1/bh_7.pdf.
- Mursyida Aleas & Norshidah Mohd Salleh. 2021. Tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pengajaran modular di sekolah rendah daerah Hulu Langat, Selangor. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE) Volume 1 (3)*: 92-106.
- Nas Norziela Nasbah. 2022. Silibus pembelajaran harus sesuai tahap. *Berita Harian*. 6 Julai. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2022/07/973780/silibus-pembelajaran-harus-sesuai-tahap>.
- Nor Syazwani Saufi, Nur Farhani Zakaria & Nurul Atiqah Irham. 2019. Kajian terhadap penilaian dalam pendidikan bagi matapelajaran Pendidikan Islam dan KKQ di sekolah. *Kertas Kerja bagi kursus Penilaian dalam Pendidikan Al-Quran*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Norfatin Nadhiah Rosli. 2021. *Bebanan Tugas dan Stres Dalam Profesion Keguruan*. Perspektif: Kluster Sumber Manusia & Pendidikan. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).
- Norizuan Gabaldin & Hafizhah Zulkifli. 2021. Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Pelajar Tingkatan 4 SMKA di Sabah. *Prosiding Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*: 215-234.
- Nur Afiqah Azhar & Roslinda Rosli. 2021. Analisis Kandungan Topik Tambah dan Tolak Dalam Buku Teks Matematik Tahap 1 Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 394-405.
- Nurfadilah Mohamad, Khadijah Abdul Razak & Harun Baharudin. 2022. Amalan pengajaran tarannum dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca & Menghafaz Al-Quran (KKQ). *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 8(1): 98-110.

- Nurul Hasna Hasanah, Mad Arifin Sapar & Saedah Siraj. 2020. Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdote. *Jurnal kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 8 (2): 1-12.
- Quek Miow Leng. 2006. *Pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian Matematik di kalangan pelajar tingkatan 4 di daerah Batu Pahat*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sakri Yusoff. 2010. *Hubungan minat dengan kebolehan membaca al-Quran bertaranum dan bertajwid*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Suraya Ahmad. 2003. *Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Yulizar Bila. 2011. *Masalah guru dalam pengajaran tarannum al-Qur'an di Kota Padang Sumatera Barat*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Abd Mubi. 2014. *Tahap penguasaan ilmu tarannum dalam kalangan guru Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran di Selangor*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Osman. 2013. *Pembangunan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu*. Tesis Dr. Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.